

17/10/2002

Kepemimpinan Azalina diterima Puteri: TPM

Kadir Dikoh; Misiah Taib; Munaarfah Abu Bakar

SUBANG, Rabu - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata kemenangan tanpa bertanding Azalina Othman Said untuk jawatan Ketua Puteri Umno, jelas menunjukkan kepemimpinannya diterima ahli sayap baru parti itu.

"Tahniah kepada Azalina kerana mendapat pencalonan daripada semua bahagian dan ini menunjukkan Puteri Umno sendiri mahu Azalina memimpin mereka," kata Timbalan Presiden Umno itu.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang berlepas ke Hyderabad untuk memulakan lawatan ke India, Pakistan dan Arab Saudi, di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang, di sini tengah hari ini.

Perdana Menteri juga mengucapkan tahniah kepada Azalina yang turut hadir di pangkalan itu.

Azalina, 38, seorang peguam, akan disahkan ke jawatan Ketua Puteri Umno pada perhimpunan agung pertama sayap itu pada 1 November ini. Kedudukannya dalam hierarki parti juga bertaraf Naib Presiden sama seperti Ketua Wanita dan Pemuda Umno.

Menjawab satu soalan, Abdullah, menolak dakwaan bahawa semua 165 bahagian diarah pucuk pimpinan tertinggi parti supaya mencalonkan Azalina.

"Tidak ada... saya dah cakap dulu, apa nak suruh saya ulangi lagi," katanya.

Awal bulan ini, Abdullah turut menafikan dakwaan itu, sebaliknya menjelaskan bahawa semua 165 bahagian Puteri Umno diberi kebebasan penuh untuk mencalonkan sesiapa saja yang menawarkan diri bertanding.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, ketika ditemui pada majlis yang sama sependapat dengan Abdullah bahawa kemenangan tanpa bertanding Azalina menunjukkan sokongan padu terhadap kepemimpinannya.

Semua empat pencabar Azalina gagal mendapat sebarang pencalonan apabila semua 165 bahagian Puteri Umno selesai bermesyuarat malam tadi sejak bermula 15 September lalu.

Mereka ialah bekas Exco dan Ketua Penerangan Puteri, Mastina Abdul Hamid, Exco Pergerakan Wanita Bahagian Bandar Baru Kulim, Raihan Sulaiman Palestin, Ketua Wanita cawangan Seri Pandan, Mazibah Mohd Zain serta ahli Umno, Ummi Hafilda Ali.

Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, pula berkata kemenangan Azalina membuktikan tindakan pihak tertentu yang cuba membangkitkan pelbagai isu sepanjang proses pencalonan dan mesyuarat bahagian, gagal mempengaruhi perwakilan dalam membuat keputusan demi perpaduan serta masa depan pergerakan itu.

"Bagi saya ia adalah keputusan perwakilan dan seperti biasa dalam Umno, amalan demokrasi perlu diteruskan, dihormati dan dipertahankan," katanya.

Sementara itu, Mastina, 31, berkata kemenangan Azalina sudah dijangka dan mencerminkan kehendak keseluruhan ahli akar umbi.

"Syabas kepada Azalina," katanya sambil berharap barisan Puteri dapat dirapatkan bagi membolehkan semua tumpuan diberi bagi menghadapi pilihan raya umum.

Raihan, 35, juga menerima keputusan itu dan menjelaskan bahawa beliau menawarkan diri bertanding untuk memberi pilihan kepada ahli pergerakan itu selain ingin memberi sumbangan kepada parti.

Mazibah, 39, pula berkata beliau akur dengan keputusan itu selaras konsep demokrasi.

"Jika inilah keputusan ahli Puteri, tidak syak lagi perpaduan dalam pergerakan itu memang utuh dan tidak boleh dipertikaikan lagi. Harapan saya, selepas ini tidak akan ada desas desus mengenai dalaman Puteri," katanya.